

INFOKUS



SEPTEMBER 2025 | Bil. 92
www.umat.edu.my

UMT Grand Alumni Homecoming 2025

Golden Threads of Yesterday

12 Julai 2025 (Jumaat)
Taming Sari Grand Ballroom
Royal Chulan Hotel, Kuala Lumpur

Umt Grand Alumni Homecoming 2025

Jalinan Emas
Mengukir Masa
Depan

Ambulan Baharu Dan Kenderaan Serba Guna

Tingkat Keupayaan
Sokongan PKU

Projek Duit Bersama Hidroponik

Semai Potensi
Usahawan Muda

eISSN 2716-6457



9 772716 645004

Terkini DI PASARAN



Current Developments and Technologies in Aquaculture Volume 3

Editors:

Nadirah Musa, Mohd Nasir Mohd Desa, Nadiyah Wan Rasdi, Nurul, Aqilah Iberahim, Najiah Musa

ISBN: **978-629-7625-81-2**
Tahun: **2025**



Terokai Dunia Niaga

Pengarang

Muhammad Abi Sofian Abdul Halim

ISBN: **978-629-7625-77-5**
Tahun: **2025**




K-Meownglish Stories of Yaya and Friends

Pengarang

Chaizani, Satiman Jamin, Han Jung Shun

ISBN: **978-629-7625-71-3**
Tahun: **2025**



Mastering Haematology Morphology: A Case-Based Learning Approach

Pengarang

Sumaiyah Adzahar, Razan Hayati Zulkeflee, Adibah Daud, Mohammad Hudzaifah Nordin

ISBN: **978-629-7625-82-9**
Tahun: **2025**

like and follow us on



penerbitumt

SIDANG REDAKSI



Penaung

Profesor Ir. Ts. Dr. Mohd Zamri Ibrahim



Penasihat

Prof. Madya Dr. Che Hasniza Che Noh



Ketua Pengarang

Mohd Afifullah Ahmad



Pereka Grafik

Wan Farida Hamimi Wan Ismail

Penolong Editor dan Pembaca Pruf

Nurul Shafiah Din, Anisah Balqis Yahaya dan Aisyah Nor Athirah Awang

Jurufoto

Media Kreatif UMT, Koleksi Pengarang dan Kecerdasan Buatan

KANDUNGAN

- 4 UMT GRAND ALUMNI HOMECOMING 2025 Jalinan Emas Mengukir Masa Depan
- 6 Ambulan Baharu Dan Kenderaan Serba Guna Tingkat Keupayaan Sokongan PKU
- 8 "Projek Duit Bersama Hidroponik" Semai Potensi Usahawan Muda
- 10 Meet & Greet Naib Canselor Bersama Alumni Warga UMT Rapatkan Jalinan dan Mengukuh Sumbangan
- 12 Dari Terengganu ke Bengkulu UMT-UNIB Teroka Horizon Penyelidikan Baharu
- 14 Bengkel Komunikasi Bahasa Inggeris Bantu Tingkat Kemahiran Komunikasi Pengendali Industri Pelancongan
- 16 10 Kawah, 1 Dekad, 1 Ukhuvwah UMT Agihkan 2000 Pek Asyura
- 17 Program Pemantapan Trigonometri UsahaTingkat Enrolmen STEM di Sekolah Harian
- 18 Mobiliti UMT-UIN SUSKA Riau Eratkan Ikatan Serantau
- 19 International Language Festival 2025 Perkasa Penguasaan Bahasa Ketiga
- 21 GUMMY BOO! Singkap Risiko Sisi Gelap Gula-Gula
- 23 FPM Perkasa Pengajar TVET APM dalam Teknologi Pelayaran dan Pengesanan Ikan
- 24 Karnival FTKK Cakna Komuniti 2025 Platform Inklusif Perkasa Jalinan Universiti-Komuniti
- 26 Sweet But Sneaky! Lab Dedah Bahaya Kandungan Sinetik Makanan
- 28 UP Hiraya 2025 Menggenggam Ilmu, Menyulam Persahabatan di Bumi Filipina
- 29 Kuliah Umum UMT di Bumi Lancang Kuning Lima Pemikir, Tiga Universiti Cetus Ribuan Inspirasi
- 31 FSSM dan SK Rhu Rendang Jalin Kolaborasi Strategik Julang Inovasi STEM
- 33 Mahasiswa Matematik UMT Menghubung Generasi, Menyulam Kenangan
- 34 COMTECH FSKM Beri Pendedahan Pengurusan Pangkalan Data
- 35 Bengkel MS POWER BI Persiap Kemahiran Mahasiswa
- 36 Sikap Sambil Lewa Undang Ancaman Siber
- 38 Asmau'ul Husna Siri 21-AI-Alim



UMT GRAND ALUMNI HOMECOMING 2025

Jalinan Emas Mengukir Masa Depan

oleh: Norul Hanizan Hazin
Pusat Alumni

Bertemakan “Golden Threads of Yesterday”, UMT Grand Alumni Homecoming 2025 yang julung kali diadakan telah berjaya menghimpunkan lebih 300 alumni dari pelbagai generasi di Taming Sari Grand Ballroom, Royale Chulan Hotel Kuala Lumpur pada 12 Julai 2025. Majlis diserikan dengan kehadiran Pro Canselor UMT, Tan Sri Dato’ Seri Mohd Zuki Ali dan Pengerusi Lembaga Pengarah UMT, Prof. Dr. Mohamad Salmi Sohod.

Majlis ini bukan sekadar majlis makan malam, tetapi adalah lambang penghargaan, aspirasi dan pengiktirafan terhadap peranan alumni dalam mendukung agenda pembangunan dan kelestarian universiti. Alumni UMT terus diangkat sebagai tulang belakang kepada kecemerlangan berterusan UMT sebagai universiti yang bukan sekadar tempat menimba ilmu, tetapi rumah kepada kenangan, nilai dan legasi yang tidak ternilai.

Tan Sri Zuki dalam ucapannya menyifatkan alumni sebagai benang-benang emas yang menghubungkan warisan masa lalu dengan aspirasi masa depan. Beliau menekankan bahawa alumni bukan sekadar memori, tetapi aset strategik universiti yang menjadi cerminan kejayaan institusi, pembawa nama baik alma mater serta duta kepada nilai yang diperjuangkan UMT.

“Saya percaya alumni adalah nadi penggerak kecemerlangan universiti. Daripada yang kini menjadi Ketua Setiausaha kementerian, CEO syarikat terkemuka, usahawan berjaya hinggalah profesional dalam pelbagai bidang, mereka semua adalah bukti keberkesanan pendidikan UMT”, ujar beliau.

Dalam majlis tersebut turut dilancarkan inisiatif “Projek Wakaf Ilmu: Rumah Pendidikan dan Kebajikan Alumni”. Ia merupakan satu projek wakaf yang menyasarkan kutipan RM500,000.00

1. Gambar tetamu kehormat bersama dengan penerima anugerah Jasa Bakti

untuk membina penempatan sementara kepada pelajar asnaf, alumni muda dan staf sementara sekitar kampus.

“Dengan nilai wakaf serendah RM250.00 satu lot, saya percaya kita boleh cipta legasi alumni yang kekal, sekali gus menyemai semangat kasih dan tanggungjawab kepada generasi seterusnya,” kata Tan Sri Zuki sambil menyeru semua alumni menyokong inisiatif wakaf pendidikan ini.



2



3



Selain itu, majlis turut menyaksikan pra peluncuran Majalah SAUH, sebuah penerbitan yang membawa makna simbolik dalam dunia nautika ‘titik tambat’ sebagai lambang hubungan alumni dengan UMT yang kekal berakar walaupun berada di mana-mana pelosok dunia. Majlis turut dimeriahkan dengan pemeteraian Surat Niat antara HEPA dan UMT SEA Sdn Bhd bagi mempromosi kursus-kursus kepada alumni, termasuk tawaran diskaun istimewa kepada alumni yang mendaftar. Usaha ini dilihat sebagai sebahagian langkah memperluas keterlibatan alumni dalam dimensi pembangunan ekonomi dan pendidikan UMT.



2. Gambar semasa ucapan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Pro Canselor UMT
3. Gambar semasa gimik pra-peluncuran Majalah Alumni 'SAUH'



AMBULANS BAHARU DAN KENDERAAN SERBA GUNA

Tingkat Keupayaan Sokongan PKU

Oleh: Tengku Nuriah binti Tengku Abdul Rahman
Pusat Kesihatan Universiti

UMT terus memperkukuh komitmennya terhadap kebajikan dan keselamatan warga kampus melalui Majlis Penyerahan Ambulans Baharu UMT, yang menyaksikan penyerahan dua unit ambulans dan sebuah kenderaan Nissan Serena kepada Pusat Kesihatan Universiti (PKU).


Majlis penuh bermakna ini telah disempurnakan oleh Naib Canselor UMT, Profesor Ir. Ts. Dr. Mohd Zamri Ibrahim, yang secara rasmi menerima penyerahan kunci kenderaan daripada wakil pembekal yang telah dilantik untuk menguruskan perolehan kenderaan tersebut.

Dalam ucapannya, Profesor Ir. Ts. Dr. Mohd Zamri Ibrahim menegaskan bahawa penambahan aset baharu ini adalah satu langkah strategik dalam memastikan kecekapan dan kesiapsiagaan perkhidmatan kesihatan di UMT sentiasa berada pada tahap optimum. “Ambulans baharu ini bukan sekadar kenderaan, tetapi satu keperluan penting bagi memastikan setiap kecemasan dapat ditangani dengan pantas, profesional, dan selamat. Ia juga mencerminkan keprihatinan universiti terhadap kebajikan pelajar dan staf”, ujar beliau.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada pihak pembekal dan semua jabatan yang terlibat,

khususnya PPH, PKU dan Bendahari atas usaha dan kerjasama erat yang memastikan proses perolehan dan penyerahan berjalan lancar.

Dua unit ambulans baharu ini dilengkapi dengan peralatan perubatan moden dan sistem komunikasi terkini bagi meningkatkan kecekapan operasi kecemasan PKU. “Dengan kemudahan ini, pasukan perubatan UMT akan lebih bersedia untuk bertindak pantas sekiranya berlaku sebarang kejadian kecemasan di dalam atau di luar kampus”, jelas beliau lagi.



Sebuah kenderaan Nissan Serena yang turut diserahkan adalah juga untuk kegunaan sokongan PKU, khususnya bagi aktiviti kesihatan komuniti, program kesedaran, dan perkhidmatan temu janji kesihatan warganya terutama pelajar yang sedang mengikuti pembelajaran di UMT ke hospital dan klinik kesihatan. Kenderaan ini dijangka dapat memperluaskan keupayaan warga PKU dalam menyampaikan perkhidmatan kesihatan yang menyeluruh kepada warga kampus.





"PROJEK DUIT BERSAMA HIDROPONIK"

Semai Potensi Usahawan Muda

oleh: Dr. Zuraini Anang
Fakulti Perniagaan Ekonomi dan Pembangunan Sosial

Pertanian moden kini bukan lagi terhad kepada sawah dan ladang terbuka. Kini, hidroponik telah menjadi pilihan usahawan untuk menjamin keselamatan makanan yang sihat dan selamat. Hidroponik adalah kaedah menanam tumbuhan tanpa menggunakan tanah di mana akar tumbuhan tumbuh dalam larutan air telah dicampur dengan nutrien penting untuk pertumbuhan tumbuhan. Kaedah ini semakin mendapat tempat dalam kalangan generasi muda kerana sifatnya yang mesra alam, menjimatkan ruang, dan berpotensi menjana pendapatan.

Sekumpulan penyelidik dari Fakulti Perniagaan, Ekonomi, dan Pembangunan Sosial yang diketuai oleh Dr. Zuraini Anang telah berkolaboratif bersama Jabatan Pertanian Negeri Terengganu





dengan melaksanakan program “Projek Duit Bersama Hidroponik”. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada konsep dan kaedah pertanian hidroponik serta membangunkan kemahiran keusahawanan asas dalam kalangan pelajar.

Selain itu, program ini dapat mewujudkan kesedaran terhadap kepentingan keselamatan makanan dan kelestarian alam sekitar serta menggalakkan penglibatan aktif pelajar dalam aktiviti luar bilik darjah selain pendedahan pemasaran digital untuk meroketkan jualan. Ia selari dengan SDG3: Kesihatan Baik dan Kesejahteraan dan SDG11: Bandar dan Masyarakat Mampan.

Program ini dijalankan secara berfasa melibatkan dua buah sekolah menengah iaitu SMK Kompleks Mengabang Telipot dan SMK Padang Kemunting serta komuniti di Kuala Nerus. Setiap sekolah dilengkapi dengan kit asas hidroponik ditaja oleh Jabatan Pertanian Negeri Terengganu.

Pelajar dilatih untuk menyediakan sistem hidroponik secara DIY, menanam sayur-sayuran seperti sawi, kangkung, dan bayam, mengurus dan memantau pertumbuhan tanaman secara sistematik, dan menjalankan promosi serta menjual hasil tuaian melalui platform digital dan jualan langsung.

Program ini telah menunjukkan pelbagai impak positif iaitu pelajar menunjukkan peningkatan minat terhadap bidang sains pertanian dan keusahawanan. Tambahan pula, terdapat kesedaran yang lebih tinggi dalam kalangan pelajar tentang isu keselamatan makanan dan keperluan penghasilan makanan secara lestari dan pelajar juga telah berjaya menjual hasil tanaman mereka serta menjana pendapatan sampingan. Seterusnya, komuniti juga dapat mempelajari ilmu hidroponik terkini dan pemasaran digital dalam meningkatkan hasil jualan. Akhirnya, hubungan antara sekolah, komuniti, dan institusi pendidikan tinggi semakin erat melalui bimbingan dan kolaborasi yang berterusan.



MEET & GREET

NAIB CANSOLOR BERSAMA ALUMNI WARGA UMT

Rapatkan Jalinan dan Mengukuh Sumbangan

Oleh: Norul Hanizan Hazin
Pusat Alumni

Hampir seramai 78 orang alumni UMT yang kini berkhidmat sebagai warga kerja universiti telah menghadiri program Meet & Greet bersama Naib Canselor UMT, Prof. Ir. Ts. Dr. Mohd Zamri Ibrahim yang berlangsung di Dewan Jamuan Senat dan secara dalam talian pada 23 Jun 2025. Program ini turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Mohd Izani Mohd Zain, serta dekan-dekan fakulti.

Program ini bertujuan untuk merapatkan hubungan antara pimpinan universiti dengan alumni yang kini menyumbang kembali kepada alma mater melalui pelbagai kapasiti dalam


perkhidmatan mereka. Selain menjadi medium libat urus secara santai, sesi ini juga menjadi ruang untuk menyampaikan maklumat strategik serta inisiatif terkini universiti kepada kumpulan alumni dalaman yang signifikan ini.

Naib Canselor dalam ucapannya menzahirkan penghargaan dan rasa bangga terhadap sumbangan alumni yang kini berkhidmat di pelbagai jabatan dan pusat tanggungjawab di UMT. Beliau menyeru agar alumni terus menjadi agen penyampai naratif universiti yang positif, sekali gus menyumbang secara aktif kepada pembangunan UMT selaku universiti maritim terunggul.

Program ini diselitkan dengan taklimat mengenai inisiatif Wakaf Ilmu UMT yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Ihsan UMT, Prof. Madya Dr. Riswadi Azmi. Beliau menjelaskan mengenai visi dan hala tuju inisiatif wakaf, termasuk projek utama “Wakaf Rumah Pendidikan & Kebajikan Alumni” yang sedang giat dilaksanakan. Para alumni turut diberi peluang untuk memahami kaedah sumbangan serta impak jangka panjang wakaf kepada kebajikan mahasiswa dan kelangsungan pendidikan di UMT.



Pengarah Pusat Alumni UMT, Prof. Madya ChM. Dr. Mohd Zul Helmi Rozaini turut membentangkan beberapa inisiatif terbaharu melibatkan pengukuhan jaringan alumni, pembangunan pangkalan data, peluang kerjasama strategik serta penglibatan alumni dalam program-program universiti. Penekanan turut diberikan kepada kepentingan merekod penglibatan alumni dalam membantu universiti mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI), khususnya dari aspek keterlibatan alumni dan jumlah sumbangan yang diterima.





DARITERENGGANU KE BENGKULU

UMT–UNIB Teroka Horizon Penyelidikan Baharu

oleh: Nor Azman Kasan
Amyra Suryatie Kamaruzzan
Ahmad Ideris Abdul Rahim
Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan



UMT dan Universitas Bengkulu (UNIB) telah mencatatkan satu lagi saat bermakna menerusi Majlis Menandatangani dan Penyerahan Dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) yang berlangsung di Faculty of Agriculture, Universitas Bengkulu, Indonesia pada 27 Mei 2025.

Majlis ini menyaksikan pemeteraian dokumen oleh Timbalan Pengarah Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan (AKUATROP), UMT, Prof. Madya ChM. Ts. Dr. Nor Azman Kasan, bersama Dekan Faculty of Agriculture, UNIB, Dr. Indra Cahyadinata. Kejayaan ini turut direkodkan sebagai salah satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICoE) di bawah Program Teknologi Hijau. Bersempena dengan majlis tersebut, pelbagai aktiviti jaringan kerjasama dan perkongsian ilmu telah diadakan, melibatkan sektor akademik, komuniti dan industri.

Delegasi UMT memulakan siri aktiviti dengan kunjungan hormat ke Fakultas Pertanian, UNIB, yang disambut oleh Dr. Indra Cahyadinata bersama barisan kepimpinan fakulti iaitu Prof. Heri Dwi Putranto (Wakil Dekan Bidang Akademik), Dr. Ir. Suharyanto (Wakil Dekan Bidang Sumber Daya) dan Dr. Hesti Pujiawati (Wakil Dekan Bidang Kemahasiswaan). Turut diadakan kunjungan hormat ke Pejabat Wakil Rektor Bidang Perencanaan dan Kerja Sama, Prof. Dr. Irfan Gustian, S.Si., M.Si., bagi membincangkan hala tuju projek dan peluang kolaborasi baharu.

Antara pengisian bermakna yang telah dilaksanakan ialah sesi perkongsian teknologi bersama komuniti dan pengusaha ternakan ikan patin di Gg. Angin Mamiri, Kampung Melayu, Kota Bengkulu. Lawatan turut membawa delegasi ke kilang pemprosesan produk makanan berasaskan perikanan bagi meninjau potensi pengembangan industri.

Dua dokumen Implementation Arrangement (IA) turut dimeterai masing-masing antara AKUATROP, UMT, dan Fakultas Pertanian serta AKUATROP, UMT dan Fakultas Matematik dan Ilmu Pengetahuan Alam (FMIPA), UNIB yang menjadi asas pelaksanaan projek dan program bersama di masa hadapan.

Sepanjang program, beberapa sesi perkongsian akademik telah diadakan, antaranya Seminar Training of Trainer (ToT) Keselamatan dan Kesihatan Kerja (K3) Laboratorium Fakultas Pertanian Tahun 2025 yang telah dikendalikan oleh Prof. Madya ChM. Ts. Dr. Nor Azman Kasan bersama penceramah lain termasuk Pn. Amyra Suryatie Kamaruzzan, En. Ahmad Ideris Abdul Rahim, dan Pn. Putjha Melati.

Selain itu, Prof. Madya ChM. Ts. Dr. Nor Azman Kasan turut menyampaikan Kuliah Umum bertajuk “Meniti Karir Gemilang di Dunia Kelautan dan Perikanan” kepada mahasiswa UNIB dan pelajar Sekolah Menengah Atas (SMA) sekitar Kota Bengkulu. Dalam bidang penyelidikan, beliau turut berkongsi topik “The Microbiome of Aquatic System: A Cornerstone of Future Aquaculture Development” dalam sesi Guest Lecture anjuran FMIPA.



Program *Industry in Classroom* bertajuk “Aquaculture Industry in Malaysia” disampaikan oleh En. Mohd Shukri Shafie, Pengarah Urusan SERANDU Aquaponic System Sdn. Bhd. (SAS). Menariknya, SAS berbesar hati menaja sepenuhnya seorang mahasiswa FMIPA untuk menjalani program Inbound di AKUATROP.

Delegasi juga berpeluang menyertai program konservasi penyu di Pusat Penangkaran Penyu Alun Utara, Bengkulu, sekali gus memperkukuh komitmen terhadap pemuliharaan biodiversiti marin. Selain itu, kerjasama turut diperluas melalui Program Latihan Sangkutan Staff oleh Pn. Wahidah Wahab dan En. Shuhaimi Draman di UNIB, memberi ruang kepada pertukaran kepakaran teknikal dan akademik antara kedua-dua universiti.

Secara keseluruhan, rangkaian aktiviti ini membuktikan kesungguhan UMT dan UNIB untuk terus memacu kerjasama strategik merentasi sempadan, memanfaatkan kekuatan akademik, industri, dan komuniti demi kelestarian masa hadapan.





BENGKEL KOMUNIKASI BAHASA INGGERIS

Bantu Tingkat Kemahiran Komunikasi Pengendali Industri Pelancongan

oleh: Che Wan Ida Rahimah Che Wan Ibrahim
Wan Nurhafa Wan Salam
Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan

Bengkel *Empowering Local Frontliners in Tourism: Enhancing Basic English Proficiency for Hospitality Services* telah diadakan di Galeri Kelulut, Kampung Menerong pada 9 Ogos 2025. Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif universiti bagi membantu pengendali industri pelancongan kecil dan sederhana melalui usaha peningkatan kemahiran Bahasa Inggeris asas komuniti dalam sektor pelancongan. Misi berkenaan adalah sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 4: Pendidikan Berkualiti nasional dan bertepatan dengan Tahun Melawat Malaysia 2026.

Program yang mendapat sokongan geran KTAGS ini menghimpunkan seramai 31 orang peserta yang terdiri daripada pemilik inap desa, pengusaha makanan, usahawan tempatan, dan ahli Unit Komuniti Belia Rukun Tetangga dari Kampung Menerong dan Kalang Rengas.

Dengan bimbingan daripada Pusat Pemindahan Ilmu, Jaringan Industri dan Masyarakat (PPIJIM), bengkel tersebut merupakan hasil kesinambungan program yang asalnya telah dimulakan secara dalam talian. Penekanan program meliputi aspek komunikasi praktikal Bahasa Inggeris dengan pelancong asing, termasuk latihan perbualan harian dan pengenalan istilah pelancongan yang relevan.

Para fasilitator terdiri daripada pensyarah dan guru bahasa Inggeris dari Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL) yang mengaplikasikan pendekatan interaktif seperti simulasi dan latihan yang berperanan dalam sesi pengajaran. Hal ini membantu memudahkan pemahaman peserta di samping memastikan suasana pembelajaran yang santai dan menyenangkan.



Antara kandungan utama bengkel Komunikasi Bahasa Inggeris asas tersebut termasuk penerangan tentang potensi produk dan perkhidmatan tempatan, dan tatacara memberikan arahan mudah dalam Bahasa Inggeris dengan sebutan yang betul. Selain itu, peserta didedahkan dengan contoh dialog praktikal seperti bertanya mengenai keperluan penginapan, menerangkan menu makanan tradisional, dan memberi panduan arah kepada pelancong.

Mereka juga berpeluang memperkenalkan produk, perkhidmatan, serta destinasi tarikan pelancong sama ada tempatan mahupun antarabangsa di kawasan mereka. Setiap sesi diakhiri dengan latihan berkumpulan bagi mengukuhkan keyakinan peserta, dengan mempraktikkan situasi sebenar bersama fasilitator. Bahan bantu belajar seperti modul panduan turut diedarkan untuk rujukan berterusan.

Impaknya, hasil penilaian menunjukkan peningkatan keyakinan peserta dalam komunikasi Bahasa Inggeris selepas bengkel berdasarkan

perkongsian pandangan daripada para peserta di akhir program. Majoriti peserta bersetuju bahawa kaedah pembelajaran berasaskan kecerdasan buatan (AI) sebagai alat sokongan sepanjang hayat, serta aplikasi yang berasaskan senario harian, sangat membantu pemahaman mereka, terutamanya dalam situasi praktikal seperti menerima tempahan inap desa. Seorang peserta, Puan Radziah Sulaiman, berkongsi pengalaman tentang bagaimana latihan komunikasi sebegini membuatnya lebih yakin untuk berinteraksi dengan pelancong antarabangsa, termasuk menerangkan keunikan budaya tempatan.

Selain kemahiran komunikasi, program ini juga berjaya membina jaringan antara komuniti pelancongan tempatan dengan pihak universiti sebagai potensi kolaborasi berpanjangan pada masa depan. Peserta juga menunjukkan minat yang tinggi untuk menyertai program lanjutan yang dijangkakan pada September nanti bagi memperkasa kemahiran komunikasi pelancongan, sekali gus meningkatkan potensi penajaan pendapatan mereka.



10 KAWAH, 1 DEKAD, 1 UKHUWWAH

UMT Agihkan 2000 Pek Asyura

oleh: Faizah Ismail
Pusat Islam Sultan Mahmud

Sempena bulan Muharam 1447H, UMT melalui Pusat Islam Sultan Mahmud telah menganjurkan program “Jom Kacau Bubur Asyura” sebagai simbolik ulang tahun ke-10 penubuhan Masjid UMT.

Keistimewaan program tahun ini terserlah apabila sebanyak 10 kawah bubur Asyura dikacau serentak lantas menjadikan acara tahunan ini satu momen bersejarah dalam perjalanan dekad pertama masjid berkenaan.

Program tersebut turut mendapat kerjasama pelbagai pihak termasuk Persatuan Pentadbir dan Ikhtisas UMT (PERENTAS), Kelab Wanita UMT (MUTIARA), Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Kuala Nerus, Kesatuan Kakitangan Am (KUAT), dan Persatuan Kebajikan Staf Akademik UMT (PASAK).

Ketua Pusat Islam Sultan Mahmud, Dr Kasyfullah Abd Kadir berkata

“Asyura bukan sekadar memasak. Ia adalah lambang ukhuwwah, pengorbanan, persaudaraan, dan kesinambungan nilai tradisi Islam yang dibawa bersama oleh warga kampus dan komuniti sekitar”.

Para peserta turut berpeluang mempelajari resepi tradisional, mendalami hikmah di sebalik ibrah Muharam serta membina jaringan persaudaraan yang erat. Program ini merupakan sebahagian daripada siri sambutan “Sedekad Masjid UMT” yang berlangsung sepanjang tahun.

Sebanyak 2,000 pek bubur Asyura telah diagihkan pada sebelah petang, bukan sekadar mengisi perut yang lapar, tetapi menyentuh hati yang ingin dihargai dan disatukan. Program ini menjadi lambang kasih sayang dan perpaduan yang terus mekar di bawah naungan Masjid UMT.

PROGRAM PEMANTAPAN TRIGONOMETRI

Usaha Tingkat Enrolmen STEM di Sekolah Harian

oleh: Dr. Nur Baini Ismail
Siti Madihah Abd Malik
Fakulti Sains Komputer dan Matematik

Satu projek usahasama antara pensyarah Matematik di Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kuala Terengganu, iaitu Program Pemantapan Bulatan telah berlangsung dengan jayanya pada 27 hingga 31 Julai 2025 bertempat di Makmal AL-Safa, FSKM. Program ini bertujuan untuk meningkatkan penguasaan konsep asas trigonometri peringkat menengah rendah bagi mengurangkan rasa takut pelajar kepada subjek Matematik. Tambahan dan sekali gus menggalakkan pelajar mengambil aliran STEM apabila mereka memasuki Tingkatan 4 nanti. Program Pemantapan Trigonometri diketuai oleh Dr. Nur Baini, dibantu oleh beberapa orang pensyarah Matematik FSKM dan empat orang pelajar Matematik Kewangan sebagai fasilitator.

Sesi setiap pagi dimulakan oleh ucapan aluan oleh pegawai School Improvement Specialist Coach Plus Sains dan Matematik PPD Kuala Terengganu, Encik Fauzi Salleh diikuti oleh sesi ujian awal untuk mengesan penguasaan konsep trigonometri peserta di awal program. Selesai ujian, pelajar mula belajar tentang asas matematik yang pelajar perlu kuasai dalam trigonometri dan peserta juga diajar tentang cara menggunakan jari bagi

mengira sudut asas trigonometri supaya menggalakan pengiraan matematik tanpa menggunakan kalkulator.

Kemudian sesi diteruskan dengan permainan Dominomatik Trigonometri yang merupakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran Dr. Baini. Permainan dominomatik trigonometri dijalankan secara berkumpulan seramai empat orang yang dibahagikan secara rawak supaya setiap kumpulan terdiri daripada pelajar dari sekolah yang berbeza. Di akhir sesi, pelajar yang berjaya menyiapkan soalan dominomatik dengan betul dan pantas diberikan hadiah.

Selesai permainan dominomatik, para peserta diberi ujian penilaian akhir bagi menilai sejauh mana pelajar berjaya menguasai ilmu trigonometri yang disampaikan sepanjang program. Mereka juga dikehendaki menulis maklum balas berkaitan program sebelum majlis bersurai. Daripada maklum balas yang diberikan oleh pelajar, rata-rata peserta meluahkan perasaan gembira kerana dapat mengikuti program pemantapan trigonometri dan mereka meluahkan rasa teruja kerana dapat mempelajari teknik pengiraan trigonometri menggunakan jari sebagai alternatif kepada pengiraan menggunakan kalkulator.



MOBILITI UMT- UIN SUSKA RIAU

Eratkan Ikatan Serantau

oleh: Dr. Maharani Abu Bakar
Dr. Sharifah Sakinah Syed Abd Mutalib
Fakulti Sains Komputer dan Matematik

Pekanbaru, Riau mencatat sejarah baharu dalam kerjasama akademik serantau apabila delegasi Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM), UMT mengadakan lawatan rasmi pada Jun 2025. Program ini membawa misi besar untuk memperkukuh hubungan dua hala antara UMT dan Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim (UIN SUSKA) Riau, serta memacu agenda pendidikan tinggi merentas sempadan.

Program *Joint Mobility MathLink Venture 2025 (JMMV)* dan *Outbound Mobility Mathlink Xplore 2025 (JMMX)* dilaksanakan dalam dua fasa iaitu dimulakan secara dalam talian pada akhir Mei dan diteruskan secara bersemuka pada 10 hingga 15 Jun 2025. Seramai 20 mahasiswa FSKM UMT dan 20 mahasiswa Fakulti Sains dan Teknologi (FST) UIN SUSKA Riau berganding bahu dalam pelbagai aktiviti akademik dan pembangunan kemahiran insaniah.

Fasa pertama menyaksikan tujuh kuliah maya meliputi topik seperti *Introduction to Data Analysis*, *Hypothesis Testing*, dan *TOPSIS Method for Decision Making*. Mahasiswa dari kedua-dua universiti dibahagikan dalam kumpulan rentas negara untuk menyelesaikan kes kajian dunia nyata. Mereka mengaplikasikan teori matematik secara langsung, sambil mengasah kemahiran komunikasi, kepimpinan, dan kerjasama dalam suasana multibudaya.

Majlis pembukaan rasmi diadakan di Gedung Rektorat UIN SUSKA Riau, dihadiri barisan pengurusan tertinggi FST UIN SUSKA, termasuk Wakil



Dekan, pengarah program, pensyarah matematik, dan 20 mahasiswa UIN SUSKA. Delegasi UMT diketuai Dr. Maharani Abu Bakar bersama Prof. Madya Dr. Muhamad Nazri Husin dan Dr. Ilyani Abdullah.

Hari-hari berikutnya dipenuhi aktiviti padat dan bermakna. Mahasiswa kedua-dua universiti menyambung perbincangan projek dari sesi dalam talian dan membentangkannya dalam bentuk poster ilmiah. Program turut menekankan pembangunan sahsiah melalui sesi *Enabling Skills* yang menguji kemahiran komunikasi, kepimpinan, dan kerjasama dalam suasana santai namun penuh pengajaran, mempersiapkan mereka menjadi graduan bertaraf global.

Saat paling dinanti adalah pembentangan projek ilmiah. Poster projek dipersembah, diteliti, dan dinilai. Tiga poster terbaik diumumkan: "Housing Data", "Loan it Right", dan "From Real World Problem to Mathematical Equations". Suasana dewan dipenuhi gelak tawa dan tepukan gemuruh sebelum semua peserta bergambar kenangan, mengabadikan momen berharga yang pasti diingati sepanjang hayat.



INTERNATIONAL LANGUAGE FESTIVAL 2025

Perkasa Penguasaan Bahasa Ketiga

oleh: Alyani Ayub
Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL) telah berjaya menganjurkan International Language Festival (ILF) 2025, dengan kolaborasi bersama Pusat Antarabangsa UMT pada 22 hingga 26 Mei 2025. Pusat Pembelajaran Bahasa Inggeris (ELC) dan Jabatan Bahasa dan Komunikasi (JBK), PPAL diberi tanggungjawab menguruskan penganjuran ILF 2025, dan menerima sumbangan dana utama daripada pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA).

Bertemakan “Cultural Crossroads”, penganjuran program ini bertujuan menggalakkan minat pelajar untuk mempelajari bukan sahaja Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu, tetapi beberapa bahasa ketiga yang ditawarkan di Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL). Matlamat utama penganjuran ILF 2025 adalah untuk

melahirkan graduan yang fasih dalam pelbagai bahasa, fasih bertutur, menulis, membaca dan mendengar, di samping memupuk pemikiran kritis, kemahiran kepimpinan, kemahiran komunikasi, serta pengintegrasian teknologi dalam pembelajaran bahasa. Festival ini turut menyediakan platform bagi pelajar menghayati kepelbagaian budaya, terlibat dalam pertukaran silang budaya dan memperluas penggunaan perbendaharaan kata bukan sahaja dalam Bahasa Melayu, tetapi bahasa kedua dan bahasa-bahasa asing.

ILF 2025 menampilkan rangkaian aktiviti yang pelbagai, merangkumi 29 aktiviti dan pertandingan berasaskan bahasa melibatkan sembilan bahasa: Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Jepun, Bahasa Arab, Bahasa Sepanyol, Bahasa Korea, Bahasa Jerman, dan Bahasa Perancis.

tambahan juga termasuklah Pameran Bahasa dan Budaya, Karnival Makanan Antarabangsa, serta Program Derma Darah. Pelbagai aktiviti disediakan, antaranya permainan *edutainment*, persembahan, pertandingan, pameran, tayangan filem, dan sesi bual bicara interaktif.

Penganjuran festival ini telah direalisasikan oleh 36 orang ahli jawatankuasa terdiri daripada ahli akademik dan staf sokongan PPAL, serta dibantu oleh 230 fasilitator pelajar UMT daripada pelbagai program akademik. Secara keseluruhannya, usaha ini telah berjaya menarik penyertaan seramai 1,223 pelajar UMT terlibat dalam semua aktiviti yang dijalankan.

Impaknya ILF 2025 telah memberi ruang dan peluang kepada pelajar meningkatkan kecekapan penggunaan teknologi dan digitalisasi dalam aktiviti pembelajaran dalam dan luar bilik kuliah secara santai dan kompetitif. Pada akhirnya, program ini mampu meningkatkan reputasi UMT di kalangan majikan, industri lokal, dan pasaran kerja global.

Festival ILF 2025 ini melabuhkan tirai dengan majlis perasmian penutup pada 26 Mei 2025 di Auditorium Sulaiman, Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ). Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh Dekan Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL), Profesor Dr. Asyraf Haji Abdul Rahman, yang mewakili Naib Canselor.





GUMMY BOO!

Singkap Risiko Sisi Gelap Gula-Gula

oleh: Norliawati Mohd Sidek
Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan

Isu keselamatan makanan kembali tular selepas kes tragis melibatkan gula-gula kenyal yang menyebabkan kematian seorang murid akibat tercekik. Tragedi ini membuktikan bahawa makanan yang kelihatan tidak berbahaya boleh mendatangkan risiko besar. Gula-gula kenyal yang comel dan manis menjadi kegemaran kanak-kanak namun menjadi penyebab kerosakan gigi, obesiti, bahan kimia tambahan selain risiko tercekik.

Rentetan itu, Jabatan Ilmu Dasar dan Keusahawanan, PPAL melalui kursus PPA3143 Kimia dan Masyarakat, telah melaksanakan inisiatif untuk memberi kesedaran kepada kanak-kanak tentang kandungan sebenar dalam gula-gula kenyal serta risiko kesihatan yang sering dipandang ringan oleh orang dewasa.

Program yang diadakan di Tabika KEMAS Kampung Padang Nenas, Kuala Nerus ini melibatkan 37 orang murid berusia empat hingga enam tahun dan turut dibantu oleh 10 orang mahasiswa UMT yang bertindak sebagai fasilitator.

Program ini menjadi platform awal menyemai kesedaran sains dan amalan pemakanan sihat sejak kecil dengan matlamat untuk menyedarkan murid tentang kandungan sebenar dalam gula-gula kenyal serta risiko kesihatan yang sering dipandang ringan oleh orang dewasa.

Sesi ceramah ringkas bertajuk 'Gummy Boo! Sisi Gelap Gula-Gula' berjaya membuka mata peserta kecil tentang kandungan sebenar gula-gula kenyal. Penceramah menggunakan bahasa mudah, visual berwarna-warni, dan contoh sebenar untuk menerangkan tentang gula berlebihan, pewarna tiruan, gelatin, dan pengawet. Ceramah turut menyentuh kesan jangka panjang seperti kerosakan gigi, masalah berat badan, dan risiko tercekik.

Selepas ceramah, murid menyertai aktiviti sains mudah yang menyeronokkan. Kuiz sains bertemakan gula-gula menjadi tarikan awal apabila murid berebut menjawab soalan tentang fungsi gula, bahan tambahan,

dan kesan kesihatan. Aktiviti ini bukan sahaja menguji pengetahuan, malah membuktikan peningkatan kefahaman selepas pendedahan awal.

Aktiviti eksperimen ringkas ‘Makmal Gummy’ menarik perhatian murid apabila mereka melihat sendiri tindak balas gula-gula kenyal dengan cuka dan soda bikarbonat, menghasilkan buih kecil yang mengujakan. Aktiviti ini mengaitkan konsep kimia asas dengan pengalaman dunia kanak-kanak secara praktikal dan menyeronokkan.

Seterusnya, permainan ‘Suai Padan Bahan Misteri’ menguji pemahaman murid tentang bahan dalam makanan. Mereka diminta memadankan kad nama bahan seperti gula, pewarna dan pengawet dengan fungsi serta kesannya terhadap kesihatan. Aktiviti ini membantu mereka mengenal istilah asas serta menyedari bahawa tidak semua bahan dalam makanan baik untuk tubuh.

Aktiviti terakhir, ‘Kotak Misteri Gula-Gula’, menguji deria sentuhan, bau dan rasa murid tanpa melihat isi kotak. Pelbagai jenis gula-gula, marshmallow dan lobak merah digunakan bagi melatih keberanian membuat hipotesis awal serta kerja berpasukan

Kejayaan program ‘Gummy Boo!’ membuktikan bahawa pendidikan interaktif berasaskan eksperimen ringkas amat berkesan dalam meningkatkan pemahaman kanak-kanak tentang sains dan kesihatan. Pendekatan ini bukan sekadar teori, tetapi memberi peluang kepada murid melihat, menyentuh, dan mengalami sendiri proses saintifik. Disampaikan secara santai, mesej berjaya diserap tanpa menakutkan, malah menimbulkan rasa ingin tahu serta keupayaan membuat pilihan makanan yang lebih bijak.



FPM PERKASA PENGAJAR TVET APM dalam Teknologi Pelayaran dan Pengesanan Ikan



oleh: Dr. Muhammad Nasir Rahmatdin
Fakulti Pengajian Maritim

Fakulti Pengajian Maritim, UMT telah melaksanakan Kursus Peralatan Elektronik Pelayaran dan Pengesanan Ikan. Kursus ini melibatkan 20 tenaga pengajar TVET daripada Akademi Perikanan Malaysia (APM), Chendering iaitu melalui insentif Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Kursus ini dirancang khusus bagi memenuhi perancangan hadapan industri perikanan moden yang semakin menjurus kepada keperluan penggunaan teknologi canggih seperti GPS, radar, sonar, dan AIS.

Pelaksanaan kursus juga dilihat dapat memanfaatkan kelebihan fasiliti UMT yang sangat membantu dan inklusif merangkumi Makmal Sains Nautika, *Full Mission Ship Bridge Simulator* dan fasiliti praktikal di atas RV Discovery di Jeti Duyong Marina serta perkhidmatan praktikal diatas bot UMT. Selama empat hari, para peserta menjalani pembelajaran yang komprehensif iaitu bermula hari pertama berfokus pada penguasaan asas peralatan navigasi seperti GPS dan *echo sounder*; hari kedua mendalami sistem ECDIS dan teknologi *fish finder* untuk pengesanan ikan; hari ketiga penerangan teknik penyelenggaraan peralatan elektronik dan kerja carta; manakala hari keempat pengenalan kepada alatan maritim di *Ship Bridge Simulator* serta latihan praktikal di atas bot dan RV Discovery.

Berdasarkan dapatan maklumbalas pasca-program, kursus ini dilihat telah berjaya mencapai tiga objektif utama iaitu peningkatan kepada ilmu pengetahuan

dan kemahiran teknikal peserta dalam pengendalian peralatan elektronik maritim, pengukuhan kapasiti tenaga pengajar APM dalam pendidikan TVET berteraskan elemen maritim berteknologi tinggi, dan menguatkan kolaborasi antara universiti dan agensi perikanan untuk masa hadapan.

Seramai 20 pengajar TVET yang terlatih kini berperanan sebagai agen perubahan dalam pendidikan perikanan dan maritim. Mereka akan menyebarkan pengetahuan terkini kepada potensi ribuan pelatih APM, sekali gus menyokong transformasi industri perikanan negara ke arah aplikasi teknologi moden yang lebih produktif dan selamat. Kolaborasi APM-UMT ini juga memperkukuh reputasi kedua-dua institusi sebagai hab kecemerlangan pendidikan perikanan dan maritim di pantai timur.

Penguasaan ilmu pengetahuan serta kemahiran penggunaan teknologi tinggi ini bertetapan dan selaras dengan Pelan Pembangunan Perikanan 2021-2030 yang memberi penekanan terhadap perancangan strategik dan penerapan teknologi baharu. Teknologi tinggi yang ada pada kapal dagang dilihat amat penting dan berpotensi untuk diaplikasikan kepada kapal-kapal seperti teknologi navigasi, komunikasi, dan keselamatan. Kursus ini bukan sekadar melatih tenaga pengajar, tetapi salah satu inisiatif yang menyokong kepada gelombang transformasi bertepatan dengan matlamat negara sebagai sebuah negara bangsa yang maju dan sejahtera pada masa hadapan.

KARNIVAL FTKK CAKNA KOMUNITI 2025

Platform Inklusif Perkasa Jalinan Universiti-Komuniti

oleh: Dr Dina Azleema Mohamed Nor
Dr. Nurul Ashraf Razali
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan

Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan (FTKK), UMT berjaya menganjurkan Karnival FTKK Cakna Komuniti 2025, sebuah program berimpak tinggi yang mengukuhkan hubungan universiti dan komuniti. Karnival ini berlangsung dalam lima siri dari 17 Mei hingga 17 Jun 2025, dengan majlis perasmian pada 24 Mei di Wellness Hub Terengganu, Seberang Takir. Kejayaan program ini didorong oleh kerjasama erat antara staf FTKK, agensi kerajaan, komuniti setempat, serta rakan industri.

Ts. Dr. Mohamed Shahrir Mohamed Zahari, Timbalan Pengarah, memainkan peranan penting dalam menyelaraskan strategi pelaksanaan sepanjang karnival manakala En. Mohd Shukrimi Samsudin, Pengurus Wellness Hub Terengganu menggerakkan urusan teknikal di lapangan bagi memastikan kelancaran acara. Kolaborasi rentas sektor ini melibatkan hampir 200 pelajar Tahun 1 FTKK, 60 staf fakulti, dan lebih 200 komuniti setempat, mencerminkan ekosistem Quadruple Helix yang merangkumi peranan kerajaan, universiti, komuniti, dan industri. Selaras dengan prinsip Malaysia MADANI, pelbagai aktiviti berimpak tinggi dijalankan dalam bidang pendidikan, kesihatan, teknologi, dan kelestarian alam sekitar.



Antara program utama ialah pemeriksaan kesihatan percuma (SDG 3), gotong-royong di perkampungan Orang Kurang Upaya Penglihatan, Taman Rahmat, Marang, Masjid Kem Tentera, dan Klinik Kesihatan Seberang Takir; aktiviti seni kreatif bahan kitar semula; senaman seni; pertandingan street soccer dan bola jaring; pameran akademik FTKK; kelas Pendidikan AI, robotik, Canva dan coding; serta Booth Duta Ubat oleh HSNZ bagi meningkatkan kesedaran penggunaan ubat secara bijak. Program kitar semula minyak masak terpakai bersama Hafid Enterprise turut diadakan sebagai sokongan kelestarian alam sekitar. Puan Masita dari Kampung Telaga Daing, seorang peserta komuniti, meluahkan kegembiraan kerana dapat menyumbang kepada kelestarian melalui penjualan minyak masak terpakai yang dikumpulkannya di rumah sejak lama.



Program gotong-royong di Perkampungan Orang Kurang Upaya Penglihatan, Marang telah menyatukan penduduk setempat bersama pelajar dalam usaha membersihkan kawasan bagi penanaman melon manis Terengganu, sumber rezeki utama komuniti tersebut. Aktiviti ini bukan sahaja menggambarkan semangat kerjasama, malah memberi peluang kepada pelajar merasai pengalaman memproses kapas, termasuk mengasingkan biji kapas untuk dijadikan kekabu. Melalui kegiatan ini, peserta bukan sekadar menyumbang tenaga, tetapi juga mempelajari nilai kerja keras, berdikari, serta kepentingan sokongan masyarakat dalam memperkasa komuniti istimewa.

Karnival ini bukan hanya aktiviti fakulti, tetapi platform pembelajaran servis komuniti (service-learning) yang menggabungkan pengetahuan, empati, dan nilai kemasyarakatan ke dalam pengalaman mahasiswa. Ia membuktikan bahawa universiti bukan



sekadar tempat menimba ilmu, tetapi juga agen perubahan yang menyantuni masyarakat.

Dekan FTKK, Prof. Ir. Dr. Mohammad Fadhi Ahmad, menegaskan penganjuran ini mencerminkan komitmen universiti dalam menjayakan agenda pembangunan negara secara lestari dan berjiwa insani selaras matlamat MADANI.

FTKK Cakna Komuniti 2025 membuktikan bahawa kerjasama antara kerajaan, universiti, komuniti, dan industri mampu mewujudkan ekosistem pembangunan inklusif dan lestari. Dengan menyepadukan prinsip Malaysia MADANI, pelaksanaan SDG, dan kekuatan model Quadruple Helix, program ini bukan sahaja memberi manfaat segera kepada masyarakat, tetapi juga membina asas hubungan jangka panjang yang memperkasa modal insan, memelihara alam sekitar, dan memupuk semangat kebersamaan demi kesejahteraan bersama.



SWEET BUT SNEAKY! LAB

Dedah Bahaya Kandungan Sinetik Makanan

oleh: Norliawati Mohd Sidek, Nor Afandy Hamid
Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan

Setiap hari selepas sekolah, kanak-kanak gemar membeli snek bewarna sebagai ganjaran diri, namun makanan ini sering mengandungi bahan kimia sintetik yang membimbangkan. Untuk meningkatkan kesedaran, pendekatan interaktif seperti eksperimen mudah perlu digunakan agar mereka lebih berhati-hati dalam memilih makanan.

Sejajar aspirasi UMT yang menekankan pendidikan holistik berteraskan ilmu dan keprihatinan terhadap masyarakat, PPAL melalui Jabatan Ilmu Dasar dan Keusahawanan telah menganjurkan satu program komuniti berteraskan pendidikan yang dinamakan 'Sweet but Sneaky! Lab' di Sekolah Kebangsaan Gong Badak (SKGB), Terengganu. Program tersebut bukan sekadar menyampaikan ilmu

tentang implikasi kimia sintetik, malah turut menanamkan kesedaran sendiri agar peserta lebih bersifat kritis dalam menentukan pilihan snek harian.

Program pemindahan ilmu ini telah dilaksanakan pada 20 Mei 2025 di dewan SKGB. Ia merupakan sebahagian tugas kursus elektif Kimia dan Masyarakat PPA3143 dengan penglibatan 10 mahasiswa tahun tiga daripada jurusan Perakaunan. Kaedah pelaksanaan menggunakan pendekatan Service Learning Malaysia – University for Society (SULAM) agar misi program selaras dengan hasil pembelajaran kursus (CLO). Justeru, mahasiswa bukan sahaja menyiapkan tugas akademik, malah turut berpeluang menyumbang kepada pembangunan komuniti.





Dengan penyertaan seramai 103 murid Kelab STEM dan Kelab Kerjaya, objektif utama program adalah untuk meningkatkan kesedaran murid sekolah rendah terhadap bahaya bahan sintetik dalam makanan berproses kilang. Melalui tema ‘awas bahaya kimia makanan, semak label sebelum guna!’, ia menekankan kepentingan membaca kandungan bahan pada bungkusan sebelum membeli sebarang produk.

Program yang berlangsung selama lebih dua jam ini dibahagikan kepada lima stesen dan dilaksanakan secara bergilir mengikut kumpulan. Di stesen ujikaji pewarna makanan, murid menguji gula-gula menggunakan air suam dan kapas. Warna tiruan yang cepat larut memberi kesan visual jelas bahawa pewarna sintetik wujud dalam makanan yang sering mereka nikmati.

Stesen letusan gunung berapi pula memanfaatkan soda bikarbonat, cuka, sabun, dan pewarna makanan untuk menghasilkan buih yang dramatik menyerupai fenomena semula jadi, sambil menerangkan konsep tindak balas asid-bes dan kaitannya dalam kehidupan seharian.

Stesen ketiga menampilkan aktiviti roket sabun yang menunjukkan konsep daya dan tenaga secara interaktif. Di stesen *puzzle* makanan, murid

menyusun gambar makanan sihat dan tidak sihat sambil menerima penjelasan tentang pemakanan seimbang. Aktiviti diakhiri dengan kuiz santai dan kumpulan terbaik diberi hadiah sebagai galakan. Berdasarkan pemerhatian dan penilaian impak, didapati setiap peserta menunjukkan peningkatan ketara dari segi pengetahuan tentang bahan kimia tiruan, kebiasaan membaca label paket makanan, serta kesedaran memilih produk yang lebih sihat.

Program komuniti ‘*Sweet but Sneaky! Lab*’ merupakan antara contoh nyata pengintegrasian akademik, komuniti, dan industri yang berjaya menghasilkan program pendidikan berkualiti serta berdaya tahan. Program ini bukan sahaja dapat melahirkan mahasiswa berilmu dan berkemahiran, tetapi juga menyumbang kepada pembinaan generasi muda yang celik sains, prihatin terhadap kesihatan, dan bijak membuat pilihan dalam kehidupan seharian.



UP HIRAYA 2025

Menggenggam Ilmu, Menyulam Persahabatan di Bumi Filipina

oleh: Dr. Maharani Abu Bakar
Dr. Syerrina Zakaria
Fakulti Sains Komputer dan Matematik

Seramai 23 orang pelajar dari Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) telah menyertai Program UP Hiraya Short-Term Exchange Program 2025 di Filipina dari 9 hingga 29 Jun 2025. Program selama tiga minggu itu berlangsung di tiga institusi utama iaitu UP Diliman, Batangas State University (BatStateU) dan Central Bicol State University of Agriculture (CBSUA). Bertemakan “Honing an Inclusive and Socially Responsive Internationalization Program”, program ini memberi peluang kepada peserta untuk mendalami ilmu, menyelami budaya tempatan dan membina jaringan persahabatan antarabangsa. Inisiatif ini mencerminkan komitmen terhadap pendidikan holistik yang melangkaui bilik kuliah.

Para pelajar memulakan pengembaraan budaya mereka di University of the Philippines Diliman untuk mempelajari bahasa dan budaya Filipina di Asian Institute of Tourism. Mereka turut didedahkan kepada tulisan kuno Baybayin yang menjadi warisan identiti rakyat Filipina sebelum kedatangan penjajah. Lawatan ke Quezon Memorial Circle dan Intramuros memperkukuh pemahaman mereka tentang sejarah Filipina, seolah-olah mengembara ke masa silam untuk melihat bagaimana warisan dan penjajahan membentuk identiti negara hari ini.

Seterusnya, di Batangas State University (BatStateU) peserta disambut



dengan persembahan budaya yang meriah sebelum mengikuti kuliah dan bengkel Design Thinking & Social Innovation. Mereka bekerjasama mencipta solusi kreatif untuk isu masyarakat setempat. Program diakhiri dengan pembentangan projek sebelum mereka meneruskan perjalanan.

Selain itu, di CBSUA Bicol, peserta menyelami dunia pertanian, kelestarian alam dan inovasi agro. Mereka melawat muzium dan Cagsawa Ruins berlatar Gunung Mayon, serta menyertai program pemulihan bakau “Roots of Resilience”. Aktiviti lain termasuk membuat coklat tempatan, memproses produk lebah kelulut dan menanam keladi.

Program UP Hiraya 2025 berakhir dengan majlis penutup di Microtel, UP Diliman, di mana peserta menerima sijil dalam suasana penuh budaya dan persahabatan. Lebih daripada sekadar kuliah dan lawatan, program ini menjadi platform membentuk jati diri global, komunikasi rentas budaya dan tanggungjawab sosial. Seajar dengan aspirasi UMT, ia melahirkan graduan berwawasan antarabangsa yang berakar pada nilai kemanusiaan. Diharap lebih banyak peluang mobiliti seperti ini dapat dirancang demi membina pemimpin masa depan yang matang dan berempati.



KULIAH UMUM UMT DI BUMI LANCANG KUNING

Lima Pemikir, Tiga Universiti Cetus Ribuan Inspirasi

oleh: Prof. Madya Dr. Mohamad Nazri Husin
Dr. Ilyani Abdullah
Fakulti Sains Komputer dan Matematik

UMT telah melakar sejarah baharu dengan penganjuran sesi Kuliah Umum berimpak tinggi di bumi Lancang Kuning, Pekanbaru, Riau, Indonesia pada 15 Jun 2025. Program yang menjadi mercu tanda kerjasama akademik antarabangsa ini berjaya menghimpunkan kepakaran lima pemikir dari UMT dalam bidang penyelidikan berbeza.

Kuliah Umum ini merupakan inisiatif strategik UMT, khususnya dari Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM), dalam mempromosikan penyelidikan dan perkongsian ilmu di peringkat global. Dengan semangat kolaborasi, dua institusi pendidikan tinggi tersohor di Indonesia, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim (UIN SUSKA) Risau

dan Universitas Tiau (UNRI) tampil sebagai tuan rumah bersama sekali gus memperkukuh ikatan persahabatan dan jalinan kerjasama akademik serantau.

Program ini dilaksanakan di dua lokasi utama dengan sesi pertama diadakan di Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim (UIN SUSKA) Riau, menampilkan tiga penceramah dari UMT iaitu Prof. Madya Dr. Mohamad Nazri yang membentangkan kuliah berkenaan pendedahan mendalam tentang aplikasi konsep matematik dalam struktur graf. Diikuti pula dengan Dr. Maharani Abu Bakar yang merungkai bagaimana pembelajaran mesin dapat dimanfaatkan dalam bidang matematik. Timbalan Dekan (Bakat dan Penyelidikan) FSKM, Dr. Ilyani Abdullah pula berkongsi kepakaran berkaitan



relevansi pemodelan matematik dalam aliran darah manusia.

Manakala sesi kedua Kuliah Umum yang berlangsung di Universitas Riau (UNRI) menampilkan dua lagi pakar dari UMT iaitu Dr. Ummu 'Atiqah Mohd. Roslan yang membawakan tajuk gabungan model matematik dalam usaha pemuliharaan penyu dan Dr. Sharifah Sakinah Syed Abdul Mutalib mengupas tentang teknik statistik untuk mengenal pasti data terpencil dalam set data pelbagai pemboleh ubah.

Kehadiran pelajar, ahli akademik, dan penyelidik dari kedua-dua institusi ini menunjukkan impak besar Kuliah Umum ini. Suasana perbincangan yang interaktif dan pertukaran idea yang rancak antara penceramah dan hadirin telah membuka lembaran baru dalam pemikiran kritis dan inovatif.

Kemuncak program ini diakhiri dengan acara pertukaran Letter of Intent (LoI) antara FSKM UMT dengan Fakultas Sains dan Teknologi (FST) UIN SUSKA Riau dan Fakultas Matematika dan Ilmu Pengetahuan Alam (FMIPA) UNRI. UMT diwakili oleh Timbalan Dekan FSKM bersama-sama dengan Prof. Fitra Lestari Nohirza, Wakil Dekan 1, FST UIN SUSKA, dan Dr. Elfizar, Wakil Dekan Bidang Umum dan Keuangan, FMIPA UNRI, dengan disaksikan oleh Timbalan Rektor Bahagian Akademik UNRI, Dr. Mexsasai Indra.

Pertukaran LoI ini secara rasmi menandakan permulaan kepada komitmen berterusan untuk meneroka dan melaksanakan lebih banyak kolaborasi akademik, penyelidikan bersama, program pertukaran pelajar, dan penerbitan bersama pada masa hadapan.



FSSM DAN SKR RHU RENDANG JALIN KOLABORASI STRATEGIK Julang Inovasi STEM

oleh: Prof. Madya Ts. Dr Fazilah Ariffin
ChM. Dr Soraya Shafawati Mohamad Tahier
Fakulti Sains dan Sekitaran Marin

Dalam usaha memperkukuh ekosistem pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di peringkat akar umbi, Fakulti Sains dan Sekitaran Marin (FSSM) telah melaksanakan satu inisiatif melalui Projek STEM Jalinan Kerjasama bersama Sekolah Kebangsaan Rhu Rendang, Marang. Inisiatif ini mengetengahkan model pemindahan ilmu yang menggabungkan kepakaran akademik dengan potensi komuniti sekolah rendah dalam merealisasikan inovasi tempatan yang lestari.

Projek ini melibatkan penyertaan aktif enam orang pelajar bersama empat guru pengiring, yang dibahagikan kepada dua kumpulan utama iaitu Kumpulan A dan Kumpulan B. Para pelajar ini telah didedahkan kepada proses pembangunan produk secara berstruktur dan berasaskan pendekatan penyelidikan saintifik di

bawah bimbingan daripada pensyarah FSSM, Prof. Madya Ts. Dr Fazilah Ariffin dan ChM. Dr Soraya Shafawati serta dibantu oleh guru mentor sekolah, Puan Rosilidawati.

Produk utama yang dihasilkan daripada hasil bimbingan ini ialah Sabun SERRA CEMAMAR, sebuah inovasi dalam bentuk sabun herba yang diformulasi menggunakan ekstrak daun cemamar (*Clausena excavata*) iaitu sejenis tumbuhan herba tempatan yang kaya dengan nilai terapeutik. Pembangunan sabun ini melibatkan pelbagai peringkat kajian dan penghasilan, termasuk pengekstrakan bahan aktif dan formulasi sabun, ujian keberkesanan asas dan kajian kestabilan serta reka bentuk pembungkusan.

Keseluruhan proses ini membentuk pengalaman pembelajaran berasaskan yang sebenar, membolehkan murid sekolah rendah memahami konsep

saintifik secara praktikal sambil menerapkan kemahiran seperti penyelesaian masalah, kreativiti, dan kolaborasi.

Keupayaan dan daya cipta pelajar terbukti apabila kedua-dua kumpulan berjaya mencipta impak dalam pertandingan inovasi seperti kumpulan A berjaya menempatkan diri dalam lima kumpulan terbaik dalam kategori 'Innovator of Tomorrow', manakala kumpulan B pula meraih sagu hati dalam Pertandingan Inovasi & Kreativiti STEM anjuran Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Pencapaian ini mencerminkan keberkesanan pendekatan bimbingan oleh FSSM serta kebolehan murid sekolah rendah dalam mengadaptasi konsep STEM kepada penyelesaian inovatif yang relevan dengan kehidupan seharian. Projek ini juga turut menyumbang secara langsung kepada usaha Malaysia dalam melaksanakan beberapa Matlamat Pembangunan Lestari (SDG).

Projek STEM Jalinan Kerjasama antara FSSM dan SK Rhu Rendang membuktikan bahawa usaha pemerkasaan pendidikan STEM tidak memerlukan teknologi canggih atau dana besar, malah cukup dengan semangat kolaborasi, bimbingan berasaskan ilmu, dan kepercayaan terhadap potensi pelajar. Ia adalah model yang wajar diperluas dan dijadikan inspirasi kepada semua institusi pendidikan tinggi untuk menjalin hubungan strategik bersama komuniti dalam membentuk masa depan pendidikan yang inklusif, lestari, dan bermakna.





MAHASISWA MATEMATIK UMT

Menghubung Generasi, Menyulam Kenangan

oleh: Prof. Madya Dr. Mohamad Nazri Husin
Azniezam Ab Halim
Fakulti Sains Komputer dan Matematik

Suasana di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Kampung Kempas, Jasin, Melaka dipenuhi gelak tawa, aroma masakan dan semangat kebersamaan pada 27 Julai 2025 menerusi Program Lenturan Kasih Jalinan Ukhwah. Program anjuran Kelab Himpunan Mahasiswa Matematik UMT bersama Persatuan Sains Matematik Malaysia (PERSAMA), Unit Warga Emas Pejabat Kebajikan Daerah Jasin, JAPERUN Bemban, JAPERUN Sungai Rambai, Pejabat Kesihatan Daerah Jasin dan Klinik Kesihatan Selandar ini menjadi titik pertemuan antara generasi muda dan warga emas dalam suasana penuh kasih sayang.

Program dimulakan dengan pameran kesedaran kesihatan berkaitan pencegahan denggi oleh Pejabat Kesihatan Daerah Jasin dan saringan kesihatan percuma oleh Klinik Kesihatan Selandar, merangkumi bacaan tekanan darah, tahap glukosa, dan BMI. Warga emas juga berpeluang mendapatkan nasihat pemakanan daripada pegawai kesihatan bagi mengekalkan kesihatan yang optimum.



Kemuncak program diserikan dengan aktiviti memasak bubur lambuk, menghasilkan minyak kelapa tradisional, dan menggoreng keropok lekor yang bukan sahaja menghidupkan warisan turun-temurun tetapi juga menjadi ruang perkongsian kisah hidup dan nasihat antara generasi. Kehadiran Penyelaras DUN Bemban, Encik Mohd Raziff Yakop turut memeriahkan suasana dengan pengagihan aiskrim serta penyertaan aktif dalam aktiviti memasak membuktikan semangat kebersamaan merentas usia dan latar belakang.

Program inter-generasi seperti ini bukan sahaja memberi pengalaman bermakna kepada mahasiswa UMT, malah memupuk nilai empati, memelihara warisan budaya dan mengeratkan silaturahim antara komuniti dan institusi pendidikan. Ia adalah sebuah perjalanan hati yang diharapkan akan diteruskan pada masa akan datang demi kelestarian hubungan antara generasi dan keharmonian masyarakat.

COMTECH FSKM

Beri Pendedahan Pengurusan Pangkalan Data

oleh: Ts. Dr. Khairul Annuar Abdullah
Hemasangari Marar, Jagadesh Varma Marar
Fakulti Sains Komputer dan Matematik

Kelab Mahasiswa Teknologi Komputer (COMTECH), Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) telah berjaya menganjurkan Bengkel COMTECH Database Day: Fun with MS Access pada 28 Jun 2025 bertempat di Makmal Pengaturcaraan 1 dan 2. Bengkel ini diadakan khusus bagi memenuhi permintaan daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Kemunting dan Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Rakit, dengan tujuan memberikan pendedahan awal kepada pelajar tingkatan 3 mengenai asas, kefungsian, dan aplikasi pangkalan data.

Bengkel ini menerima sambutan menggalakkan dengan kehadiran seramai 64 pelajar dan empat guru pengiring. Program dimulakan dengan pengenalan konsep pangkalan data, diikuti latihan amali seperti penciptaan jadual, kemasukan dan penyuntingan data, pembinaan hubungan dan pertanyaan, serta penghasilan borang dan laporan. Pada sebelah petang, para pelajar melaksanakan projek mini pembangunan pangkalan data ringkas menggunakan kemahiran yang telah dipelajari. Bengkel diakhiri dengan majlis penutup, sesi bergambar, dan jamuan ringan.

Sesi bengkel disampaikan oleh pensyarah FSKM, Dr. Mohd. Amir Idzham Ibrahima dan Ts. Dr. Khairul Annuar Abdullah yang berkongsi ilmu secara bersahaja dan kreatif, sekaligus menarik minat pelajar memahami kepentingan pangkalan data sebagai komponen utama sistem maklumat.

Penganjuran bengkel ini diketuai oleh saudara Kishor a/l Mohan selaku



Pengarah Program, dengan sokongan padu daripada Presiden COMTECH, saudara Muhammad Wirawan Nabil Budiman Rijal, serta bantuan jawatankuasa pelaksana dan fasilitator yang berdedikasi. Di bawah kepimpinan mereka, bengkel berlangsung lancar dengan suasana pembelajaran kondusif.

Bengkel COMTECH Database Day: Fun with MS Access berjaya mencapai objektif memperkasakan pelajar sekolah menengah dengan pengetahuan dan kemahiran asas Sistem Pengurusan Pangkalan Data, serta mencetuskan minat dalam bidang Sains Komputer dan Teknologi Maklumat. Inisiatif ini bukan sahaja menyokong perkembangan akademik pelajar, malah membantu membina generasi masa depan Malaysia yang celik teknologi dan berminat dalam inovasi. Bagi COMTECH, program sebegini selari dengan matlamat UMT melahirkan graduan kompeten yang berjiwa ihsan terhadap kesejahteraan masyarakat dan kelestarian alam sekitar.

BENGKEL MS POWER BI

Persiap Kemahiran Mahasiswa

oleh: Ts. Dr. Khairul Annuar Abdullah
Hemasangari Marar, Jagadesh Varma Marar
Fakulti Sains Komputer dan Matematik

Kelab Mahasiswa Teknologi Komputer (COMTECH) berjaya menganjurkan Bengkel Microsoft Power BI pada 19 April 2025 di Makmal Pengaturcaraan 2, Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) dengan penyertaan seramai 54 orang. Bengkel ini bertujuan memberi pendedahan kepada mahasiswa tentang Microsoft Power BI, alat kecerdasan perniagaan popular untuk analisis dan visualisasi data.

Peserta didedahkan dengan kemahiran menggabungkan pelbagai sumber data, membersihkan dan menukar set data, membina papan pemuka interaktif serta menghasilkan laporan berkesan menggunakan Power BI. Inisiatif ini sangat penting bagi mahasiswa tahun akhir yang bersiap sedia menjalani latihan industri, supaya mereka memiliki kemahiran analitikal dan teknikal yang diperlukan industri. Bengkel ini juga sejajar dengan komitmen UMT dalam meningkatkan kesiapsiagaan mahasiswa menghadapi pasaran kerja melalui pembelajaran praktikal.

Sepanjang bengkel sehari ini, peserta dibimbing langkah demi langkah dalam penggunaan Power BI. Sesi dimulakan dengan pengenalan Power BI termasuk pemasangan, ciri utama, dan platform data. Kemudian, peserta menjalani latihan amali penyediaan, pembersihan, transformasi data serta pemodelan dan penerokaan menggunakan Data Analysis Expressions. Peserta juga didedahkan dengan teknik visualisasi lanjutan, penyesuaian papan pemuka serta proses penerbitan dan perkongsian laporan. Fokus tambahan diberikan pada integrasi elemen kecerdasan buatan dalam Power BI untuk mempertingkatkan analisis data.

Bengkel dikendalikan oleh Dr. Muhammad Hilmi Abdul Majid, Pensyarah Matematik FSKM, yang berkongsi kepakaran dan pengalaman dalam analitik data. Pendekatan interaktif dan latihan langsung membolehkan peserta memahami konsep dan mengaplikasikannya sepanjang sesi. Bengkel ini diketuai oleh saudari Nur Haziqah Husna Aji sebagai Pengarah Program, dengan sokongan Presiden COMTECH, saudara Muhammad Wirawan Nabil Budiman Rijal; serta Jawatankuasa Pelaksana dan Penasihat COMTECH, Ts. Dr. Khairul Annuar Abdullah.

Usaha ini memberi sumbangan besar kepada peserta dan komuniti universiti dengan menyokong Matlamat Pembangunan Mampan ke-4, yang menekankan pendidikan berkualiti dan merapatkan jurang antara pengetahuan akademik serta praktis industri. Ia meningkatkan keupayaan peserta membuat keputusan berasaskan data, satu kemahiran penting dalam persekitaran profesional.



SIKAP SAMBIL LEWA

Undang Ancaman Siber

oleh: Che Akmal Che Yahaya
Fakulti Sains Komputer dan Matematik

Pendidikan siber kini menjadi satu keperluan yang penting khususnya dalam suasana kampus UMT yang semakin digital dengan ancaman siber yang datang tanpa henti. Isu penipuan, penyamaran, dan kebocoran data semakin kerap mengancam warga universiti setiap hari. Malangnya, masih ramai mengambil ringan soal keselamatan digital seperti penggunaan kata laluan lemah, tabiat suka klik pautan mencurigakan, dan perkongsian maklumat peribadi tanpa batas.

Hakikatnya, majoriti warga UMT masih belum memahami risiko dunia siber kerana ramai yang beranggapan mereka tidak akan menjadi mangsa. Namun, penyerang siber tidak pernah memilih sasaran secara khusus. Sikap sambil lewa yang ketara termasuk penggunaan kata laluan yang sama untuk semua akaun dan mudah diteka, terus menambah kelemahan terhadap ancaman siber. Dalam masa yang sama, latihan khusus tentang keselamatan siber masih kurang kerana kebanyakan pelajar dan staf hanya mengetahui perkara asas sahaja dan jarang terdedah pada bengkel atau latihan mendalam berkaitan siber.

Pendidikan siber di UMT bukan sebuah isu kecil kerana menurut

statistik semasa yang dikeluarkan oleh Zimperium, *Global Mobile Threat Report, Q4, 2024*, menunjukkan ancaman perisian hasad semakin membimbangkan. Sebanyak 22.2 peratus pengguna pernah menemui perisian trojan perbankan pada peranti mereka. Sementara itu, 16.9 peratus pula dikesan dijangkiti perisian keylogger yang berupaya mencuri kata laluan. Data ini jelas membuktikan bahawa perisian Trojan perbankan merupakan ancaman utama yang mampu mengatasi perisian hasad lain di kebanyakan peranti pintar.

Perisian hasad ini biasanya menyusup melalui aplikasi yang dimuat turun dari sumber luar, bukan dari gedung rasmi seperti Apple App Store atau Google Play Store. Banyak pengguna terpedaya dengan aplikasi palsu kerana tidak menepati piawaian keselamatan yang ditetapkan. Akibatnya, peranti akan mudah dijangkiti dengan perisian Trojan, keylogger, atau perisian hasad lain tanpa disedari.

Terdapat pelbagai langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah ini seperti mewajibkan latihan siber untuk semua pelajar dan staf sekurang-kurangnya sekali setahun. Modul keselamatan digital wajar dimasukkan

Lanskap Ancaman Mudah Alih

Jenis Ancaman	Penerangan
 Serangan Phishing	83% menyasarkan peranti mudah alih
 Kerentanan Aplikasi	Isu privasi meningkat
 Perisian Hasad Mudah Alih	Sampel unik meningkat 13%
 Aplikasi Sideloaded	Didominasi oleh riskware dan trojan
 Risiko Platform	Android (14%) dan iOS (1%) tidak dikemas kini

dalam kursus asas ICT supaya pendedahan awal dapat dilakukan. Di samping itu, poster, infografik, dan video berkaitan ancaman siber patut dipaparkan di semua papan digital, kumpulan WhatsApp rasmi, dan media sosial UMT. Kempen seperti “Jangan Guna Perisian Hasad”, “Jangan Klik Sembarangan”, dan “Lindungi Data Anda” boleh dijalankan setiap bulan untuk tingkatkan kesedaran.

Warga UMT digalakkan melaporkan sebarang insiden siber kepada Bahagian ICT bagi membolehkan tindakan segera diambil di samping cadangan mewujudkan talian bantuan pantas sebagai saluran rasmi aduan. Pelajar

turut berpotensi dilantik sebagai ‘Cyber Ambassador’ untuk membantu mahasiswa mengenal pasti ancaman dan menyebarkan maklumat berkaitan keselamatan siber. Dalam masa yang sama, amalan asas seperti penggunaan kata laluan yang kukuh dan berbeza bagi setiap akaun serta tidak berkongsi maklumat peribadi dengan pihak tidak dikenali perlu diperkasa agar sikap sambil lewa terhadap ancaman siber dapat dielakkan. Budaya keselamatan digital hanya akan menjadi norma di kampus UMT jika kesedaran dan tindakan diambil bermula hari ini demi menjamin keselamatan warga pada masa depan.

Solusi Kehidupan Dengan Terapi Zikir

Asma'ul Husna Al-'Alim(Siri 21)

Oleh:

Dr. Mohd Radhi Abu Shahim

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial

Pengenalan

Allah al-'Alim bermaksud Allah Yang Maha Mengetahui. Allah SWT mengetahui segala perkara yang maujud (perkara yang ada dalam alam ini) dan tidak ada sesuatu perkara sekalipun yang tersembunyi daripada pengetahuan Allah SWT. Perbincangan tentang Allah al-'Alim, dapat dibahaskan kepada lima sudut iaitu:

Pengetahuan Allah SWT tidak terbatas

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan pada sisi Allah jualah anak kunci perbendaharaan segala yang ghaib, tiada sesiapa yang mengetahuinya melainkan Dia lah sahaja; dan Ia mengetahui apa yang ada di darat dan di laut; dan tidak gugur sehelai daun pun melainkan Ia mengetahuinya, dan tidak gugur sebutir bijipun dalam kegelapan bumi dan tidak gugur yang basah dan yang kering, melainkan (semuanya) ada tertulis di dalam kitab (Lauh Mahfur) yang terang nyata”.

(Al-An'aam 6:59)

Daripada kenyataan di atas, Allah SWT memberitahu hamba-Nya bahawa Allah SWT mengetahui segala-galanya walaupun sehelai daun yang gugur. Segalanya dalam pengetahuan Allah SWT. Oleh itu, manusia perlu bergantung kepada Allah SWT. Sehebat dan secanggih mana jua teknologi yang ada masa kini, masih tidak mampu untuk menandingi kekuatan Allah SWT. Apabila ditimpa masalah, maka berdoalah kepada Allah SWT sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan Tuhan kamu berfirman: “Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepadaKu, akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina”.

(Ghaafir 40:60)

Nabi SAW mengajar kepada umatnya, jika memohon kepada Allah SWT, maka mohonlah pada perkara-perkara yang besar.

“Maka Jika kalian meminta kepada Allah ‘azza wajallah, maka mintalah kepadaNya syurga firdaus, kerana ia adalah syurga yang paling tengah, paling tinggi:

(Musnad Ahmad)

Allah SWT mengetahui segala-galanya, tidak lemah dan tidak lupa

Dalam al-Quran ada menyebutkan yang bermaksud:

“Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang Memelihara dan Mentadbirkan sekalian alam. Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Yang Menguasai pemerintahan hari Pembalasan (hari akhirat)”

(Al-Faatihah 1:2-4)

Ayat di atas menjelaskan bahawa Allah SWT tuhan yang dipuji di seluruh alam (alam manusia, jin, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan segala alam) dan berkuasa sehingga hari akhirat. Dalam kehidupan, sehebat mana sekalipun raja, panglima atau pahlawan. Namun kekuasaan mereka tidak akan kekal selamanya. Bila mana umur semakin tua, mereka lemah dan lupa. Sebaliknya, Allah SWT ialah Tuhan yang menguasai sehingga hari akhirat yang tidak akan lemah dan lupa. Firman-Nya lagi yang bermaksud:

“Sesungguhnya Tuhanmu, Dia lah yang menciptakan sekalian makhluk, lagi Yang Maha Mengetahui (akan hal mereka)”.

(Al-Hijr 15:86)

Allah SWT Maha Mengetahui segala perkara termasuklah perkara yang tersembunyi

Secara jelas dalam al-Quran, Allah SWT menjelaskan bahawa sekalipun daun yang gugur itu adalah dalam pengetahuan-Nya. Perkara sekecil itu Allah SWT mengetahui, apatah lagi sesuatu yang cuba disembunyikan oleh hamba-Nya. Firman-Nya yang bermaksud:

“Allah mengetahui pengkhianatan (penyelewengan dan ketiadaan jujur) pandangan mata seseorang, serta mengetahui akan apa yang tersembunyi di dalam hati”.

(Ghaafir 40:19)

Allah SWT mengetahui perkara yang disembunyikan di dalam hati setiap manusia. Setiap manusia mempunyai keaiban. Oleh itu, Allah SWT menyuruh hamba-Nya memperbaiki kelemahan yang ada pada diri mereka. Firman Allah SWT kepada mereka yang memperbaiki dirinya yang bermaksud:

“Sesungguhnya berjayalah orang yang setelah menerima peringatan itu - berusaha membersihkan dirinya (dengan taat dan amal yang soleh)”

(Al-A'laa 87:14)

Seseorang yang dimuliakan oleh orang lain bukan kerana kehebatan dirinya, akan tetapi adalah kerana Allah SWT menutup keaibannya. Jika Allah SWT membuka keaiban manusia, maka tiada lagi kemuliaan di sisi manusia. Allah SWT mengetahui khianatnya pandangan mata dan apa-apa yang tersimpan di dalam dada setiap hamba-Nya. Justeru, manusia perlu memperbaiki diri mereka. Jangan biarkan diri sentiasa dalam keaiban yang ada pada diri hamba-Nya pada bila-bila masa.

Tidak hina seseorang yang memperbaiki dirinya. Orang yang hina adalah mereka yang membiarkan dirinya dalam keaiban. Allah SWT tidak melihat dari mana hamba-Nya bermula, tetapi Allah SWT melihat pada penghujungnya. Jika baik penghujungnya, maka itulah yang Allah SWT akan lihat dan nilai pada dirinya.

Allah SWT Maha Mengetahui Perkara Ghaib

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Ia yang mengetahui segala yang ghaib dan yang nyata, dan Dia lah Yang Maha Bijaksana, lagi Maha mendalam pengetahuan-Nya”.

(Al-An'aam 6:73)

FirmanNya lagi yang bermaksud:

“..dan yang mengetahui dengan sebenar-benarnya tentang apa yang ada dalam rahim (ibu yang mengandung)..”

(Luqman 31:34)

Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui Perkara yang ghaib, meskipun perkara yang ada di dalam rahim wanita. Bukan jantina anak yang difokuskan, tetapi masa depan anak tersebut. Oleh demikian, Allah SWT melarang daripada membunuh anak sepertimana disebutkan dalam al-Quran yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kepapaan; Kamilah yang memberi rezeki kepada mereka dan kepada kamu. Sesungguhnya perbuatan membunuh mereka adalah satu kesalahan yang besar”

(Al-Israa' 17:31)

Dalam firman Allah SWT yang lain, terdapat beberapa perkara lagi yang disembunyikan oleh Allah SWT antaranya di mana tempat matinya seseorang. Salin itu, hanya Allah SWT sahaja yang mengetahui dan mengarahkan bila akan turunnya hujan.

Allah SWT Maha Mengetahui dan Maha Menguasai

Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Tuhan kamu lebih mengetahui akan keadaan kamu; jika Ia kehendaki, Ia akan memberi rahmat kepada kamu; atau jika Ia kehendaki, Ia akan menyeksa kamu. Dan Kami tidak mengutusmu kepada mereka (wahai Muhammad), sebagai wakil yang menguasai urusan mereka”.

(Al-Israa' 17:54)

Allah SWT mengetahui apa-apa sahaja yang dilakukan oleh manusia. Jika perlakuannya itu Allah SWT mengkehendaki rahmat ke atasnya, maka Allah SWT akan kurniakan kerahmatan tersebut. Begitu juga sebaliknya, jika Allah SWT ingin mendatangkan azab atas perlakuannya, maka Allah SWT datangkan azab. Apabila seseorang melakukan kebaikan, pasti Allah SWT akan membalasnya dengan kebaikan. Tetapi terdapat sebilangan amalan, Allah SWT memberikan kebaikan yang lebih kepada orang yang melakukannya.

Oleh demikian, ulama' ada menyebut bahawa jangan perkecilkan amalan yang kecil, kerana tiada siapa yang tahu kelebihan amalan tersebut. Hal ini kerana, Allah SWT telah menjanjikan perbuatan baik akan dibalas dengan baik. Cuma bonus anugerah kebaikan itu adalah kehendak Allah SWT kepada hambaNya. Begitu juga dengan kejahatan yang dilakukan. Kejahatan pasti dibalas dengan kejahatan. Namun, bonus kejahatan tersebut terpulang kepada Allah SWT untuk mengazabkan orang yang melakukan kejahatan tersebut atau tidak. Kata ulama *“jangan perkecilkan maksiat yang kecil”*. Dibimbangi Allah SWT akan menyukarkan sesuatu urusan kerana maksiat tersebut.

Allah SWT Yang Maha Mengetahui, telah dibahaskan kepada lima sudut. Allah SWT juga telah mengurniakan nikmat pengetahuan kepada hambaNya. Pengetahuan yang dimiliki hambaNya hanya dalam lima keadaan. Di sini dapat dilihat perbezaan sifat pengetahuan Allah SWT dan pengetahuan manusia yang dikurniakan oleh Allah SWT. Bagaimana keadaan pengetahuan manusia?

Pengetahuan manusia terbatas

Jika seseorang itu merasakan dirinya berilmu dan mengetahui segala perkara. Sedarlah bahawa masih terdapat lagi orang yang lebih mengetahui dan lebih berilmu daripadanya. Seperti mana firman Allah SWT yang bermaksud:

“..dan tiap-tiap orang yang berilmu pengetahuan, ada lagi di atasnya yang lebih mengetahui”,

(Yusuf 12:76)

Allah SWT mengatakan bahawa mana-mana orang yang merasakan dirinya mengetahui segala perkara, sedarlah bahawa masih ada lagi yang lebih mengetahui. Kerana itulah, seseorang tidak boleh sombong dengan ilmu yang diperolehi. Sehebat mana ilmu manusia, ilmu yang dimiliki tetap terbatas. Sebanyak mana yang diketahui, masih banyak lagi yang tidak diketahui. Kerana itulah manusia disarankan supaya menuntut ilmu sebagaimana terdapat hukama' mengatakan “tuntutlah ilmu dari buaian hingga ke liang lahad”.

Pengetahuan manusia terhad dan pelupa

Ilmu pengetahuan bagi manusia terbatas dan sedikit. Manusia mempunyai sifat pelupa dan kadang-kadang kelupaan manusia terhadap sesuatu perkara lebih banyak daripada yang diingati.

Pengetahuan manusia tidak mengetahui perkara yang ghaib

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Tuhanlah sahaja yang mengetahui segala yang ghaib, maka Ia tidak memberitahu perkara ghaib yang diketahuiNya itu kepada sesiapa pun. Melainkan kepada mana-mana Rasul yang di redaiNya (untuk mengetahui sebahagian dari perkara ghaib yang berkaitan dengan tugasnya; apabila Tuhan hendak melakukan yang demikian) maka Ia mengadakan di hadapan dan di belakang Rasul itu malaikat-malaikat yang menjaga dan mengawasnya (sehingga perkara ghaib itu selamat sampai kepada yang berkenaan).

(Al-Jinn 72: 26-27)

Berdasarkan ayat di atas, Allah SWT menyatakan bahawa ilmu tentang perkara ghaib hanya diberikan kepada orang yang diredhaiNya iaitu para Rasul. Allah SWT mendedahkan tentang perkara ghaib kepada para rasulNya. Kerana itulah, Nabi Isa AS mengetahui bagaimana untuk menghidupkan orang yang telah mati. Selain itu, Nabi Musa AS juga diberi anugerah oleh Allah SWT tentang ilmu ghaib, Allah SWT menunjukkan cara membelah laut kepada baginda AS.

Antara contoh lain tentang ilmu ghaib adalah bagaimana Nabi Sulaiman AS boleh memerintahkan jin. Sebagai umat Nabi Muhammad SAW, seharusnya kita rasa beruntung kerana umat Nabi Muhammad SAW adalah satu-satunya umat yang dapat mewarisi mukjizat Nabi SAW iaitu al-Quran.

Kefahaman manusia terhadap ilmu yang diperolehi

Terdapat segelintir manusia yang mempunyai ilmu, tetapi tidak memahami ilmu tersebut. Secara tidak langsung, ilmu tersebut tidak memberi manfaat kepada dirinya. Kefahaman adalah anugerah Allah SWT. Barangsiapa yang diberi ilmu dan kefahaman maka dia adalah orang hikmah atau kebijaksanaan sebagaimana firmanNya yang bermaksud:

“Allah memberikan Hikmat kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan yang ditentukanNya). Dan sesiapa yang diberikan hikmat itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya”.

(Al-Baqarah 2:269)

Pengetahuan manusia tidak cukup untuk menjadikan dirinya baik

Ilmu sahaja tidak boleh membuatkan kita menjadi baik melainkan dengan bantuan hidayah dari Allah SWT. Hari ini ramai yang mempunyai ilmu tetapi ilmu itu kadang-kadang membuatkan seseorang

itu sombong dan melakukan kerosakan di dunia ini. Dengan hanya mengetahui, tidak membuatkan seseorang itu menjadi lebih baik tetapi sebagai hamba, kita sangat memerlukan hidayah daripada Allah SWT.

Cara Allah SWT melimpahkan pengetahuan kepada manusia

Allah SWT Yang Maha Mengetahui melimpahkan ilmu pengetahuan kepada manusia melalui tujuh cara iaitu:

Wahyu

Wahyu diturunkan kepada para Nabi. Kerana itu, mereka dapat mengetahui perkara yang akan datang. Sebagaimana Nabi SAW menceritakan perkhabaran tentang akhir zaman dan panduan menghadapinya. Salin itu, Nabi Musa AS yang membawa Bani Israil keluar dari Mesir seramai 600 000 orang dalam satu malam. Allah SWT menunjukkan jalan kepada baginda melalui wahyu.

Ilham

Allah SWT mengajarkan ilmu kepada seseorang dengan jalan ilham. Terdapat satu malaikat yang bernama Mulhim yang ditugaskan untuk membisikkan ilham atau idea kepada manusia.

Mimpi

Dalam satu hadis Baginda SAW ada menyatakan bahawa, *“Barangsiapa yang menjaga solatnya, paling kurang satu daripada empat puluh mimpinya adalah benar.”* ianya sebagai tanda daripada Allah SWT kepadanya.

Kefahaman melalui tanda-tanda

Contohnya, jika ada orang disekelilingnya yang menghampiri kematian, terdapat tanda-tanda sebelum kematian tersebut. Maka orang itu dapat memahami tanda-tanda kematian orang disekelilingnya itu.

Rasa hati atau firasat

Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

“Takutlah kamu akan firasat orang-orang yang beriman, kerana sesungguhnya dia melihat dengan cahaya (pimpinan Allah SWT)”

(Riwayat Tirmizi)

Pengalaman

Sabda Nabi SAW yang bermaksud: Barangsiapa yang mengamalkan ilmu yang dia tahu, nanti dia akan dibukakan ilmu yang dia tidak tahu. Apabila seseorang itu mengamalkan ilmu yang diketahuinya, Allah SWT akan membukakan ilmu yang belum diketahuinya. Maksud yang dapat diamalkan adalah pengalaman.

Jalan secara langsung

Perkara ini berlaku apabila sesuatu ilmu itu diberikan secara langsung daripada guru kepada guru. Ianya diwarisi dari seorang yang berilmu kepada orang yang ingin memperolehi ilmu. Oleh demikian, antara cara untuk mendapatkan ilmu dengan jalan secara langsung adalah dengan menuntut ilmu itu secara terus iaitu belajar.

Kesimpulan

Allah Al-'Alim mengingatkan kita bahawa Allah SWT adalah sumber segala ilmu dan pengetahuan. Sifat Al-'Alim ini juga mengingatkan kita bahwa pengetahuan manusia terbatas, sedangkan pengetahuan Allah tidak terbatas. Walaupun manusia bisa berusaha mencari ilmu, tetap saja, ilmu Allah jauh lebih luas dan sempurna. Sebagai hamba-Nya, kita perlu sentiasa berusaha untuk menuntut ilmu, beramal dengan

ikhlas, dan bertawakal kepada-Nya. Kesedaran ini akan membawa kita kepada kehidupan yang lebih bermakna dan mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Allah SWT memberikan ilmu kepada manusia melalui pelbagai cara, sama ada secara langsung (seperti wahyu) atau tidak langsung (seperti alam semesta dan pengalaman hidup). Manusia dituntut untuk menggunakan segala sumber ilmu ini dengan bijaksana dan bertanggungjawab, serta sentiasa mengingati bahawa segala ilmu berasal dari Allah SWT. Dengan menuntut ilmu, manusia dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT dan memanfaatkan ilmu untuk kebaikan diri dan masyarakat.

Terkini DI PASARAN




RM31.00

Marilah Belajar Bahasa Cina (SK Tahun Satu)

Pengarang

Nurul Ain Chua & Chai Pei Shin

ISBN: 978-629-7625-86-7
Tahun: 2025



RM42.00

Sustainable Tourism Development: Global Strategies, Community Impact and Future Trends

Editors:

Siti Nur 'Atikah Zulkiffli, Fathilah Ismail, Nur Amalina Mohamad Zaki, Noor Zatul Iffah Hussin, Nurul Najwa Napatah

eISBN: 978-629-7625-84-3
Tahun: 2025



RM38.00

Modul Keluarga Bebas Dadah: Keluarga Bestari Aspirasi Sihat

Pengarang

Siti Salina Abdullah, Azizah Othman & Nor Hayati Sa'at

ISBN: 978-629-7625-83-6
Tahun: 2025



RM34.00

Diari Kehidupan Kolej Kediaman dalam Era COVID-19: Cabaran dan Inspirasi

Pengarang

Radiah Ali, Mohamad Safuan Azhar, Nik Aziz Nik Ali

eISBN: 978-629-7625-87-4
Tahun: 2025

UMT Grand Alumni Homecoming 2025



disempurnakan oleh:
TAN SRI DATO' SERI
MOHD ZUKI BIN ALI
Pro-Cancellor



Golden Thread to Yesterday

12 July (Sabtu)
Taming Sari Grand Ballroom
Royale Chulan

PINAMA
Superfood

celcomdigi

KWABALAM

U PR

U PR

